

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN
TAHUN 1992
31 JULAI 1992

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Saya mengucapkan salam bahagia dan selamat sejahtera kepada segenap lapisan masyarakat yang cintakan keamanan dan kedamaian di seluruh negara.

2. Saya merasa bertuah dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana sekali lagi diberi peluang untuk menemui saudara-saudari sekalian pada hari ini di dalam suasana yang aman lagi tenteram. Dalam keadaan sedemikian adalah wajar kita memperingati dengan penuh keinsafan Hari Pahlawan yang disambut pada 31hb. Julai setiap tahun.

3. Sesuai dengan tema Hari Pahlawan tahun ini, iaitu "Jasamu tetap dikenang", marilah kita semua mengenang kembali jasa bakti perwira-perwira kita yang telah berkorban demi menjaga keamanan negara daripada segala ancaman musuh. Demi mempertahankan agama, bangsa dan negara, perajurit-perajurit kita sanggup meninggalkan kampung halaman, saudara mara dan orang-orang yang tersayang.

Para penonton dan pendengar yang dihormati,

4. Sesungguhnya kemajuan dan kemakmuran yang kita nikmati hari ini adalah hasil daripada semangat perjuangan pahlawan-pahlawan negara yang tidak pernah luntur dalam menghapus ancaman musuh. Hasil daripada perjuangan mereka jugalah maka kita semua mampu menjalankan kegiatan pembangunan fizikal dan rohaniah dalam suasana yang aman, damai dan tenteram.

5. Para pahlawan kita berjuang untuk menegakkan kedaulatan negara dengan terpaksa meninggalkan isteri dan anak-anak mereka. Justeru itu, adalah wajar bagi kita semua sebagai satu masyarakat yang penyayang mengenang pengorbanan isteri-isteri dan kaum keluarga para pahlawan kita yang telah merelakan pemergian orang yang menjadi tunggak dalam kehidupan mereka berjuang demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat keseluruhannya.

6. Ketulusan dan kemurnian perjuangan yang telah dicurahkan selama ini oleh para pahlawan kita sama ada yang masih hidup, cacat anggota atau yang telah gugur, patut kita sanjung tinggi. Oleh kerana itulah Hari Pahlawan diadakan setiap tahun untuk mengenang kembali pengorbanan dan jasa bakti perwira-perwira negara.

Para penonton dan pendengar yang dihormati,

7. Saban hari kita mendengar kisah-kisah yang menyayat dan yang menyentuh perasaan dan hati kita mengenai penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa perang yang berlaku sama ada di negara-negara sebelah Barat ataupun Timur. Pertelingkahan kaum yang berlaku di beberapa negara tersebut patut memberi keinsafan kepada kita supaya bersyukur kerana kita bukan sahaja bebas daripada pertelingkahan kaum atau pun peperangan, tetapi juga yang lebih penting kita berjaya membangunkan ekonomi negara kita dengan begitu pesat.

8. Ketika banyak ekonomi negara-negara lain di dunia semakin lemah, negara kita berjaya meninggikan taraf hidup rakyatnya kerana pembangunan ekonomi, sosial dan politiknya begitu mantap dan berterusan. Ini menyebabkan para pelabur asing lebih berminat untuk menanam modal di negara kita daripada negara-negara lain kerana kestabilan dan keamanannya.

9. Kita sepatutnya bersyukur kerana sementara negara-negara di dunia mengalami pelbagai pergolakan dan kemerosotan ekonomi, negara kita terus kukuh sebagai sebuah negara yang berdaulat dan aman walaupun kita mempunyai penduduk berbilang keturunan dan agama. Sikap toleransi dan timbang rasa yang kita amalkan selama ini telah memberi kesan yang positif kepada pembangunan mental dan fizikal serta perhubungan di kalangan penduduk negara ini. Malah kita telah dilihat sebagai satu bangsa yang kaya dengan sifat-sifat ketimuran yang mulia seperti bersopan santun, berbudi bahasa dan saling bekerjasama dan ini menguntungkan negara. Dengan adanya sikap yang murni dan penyayang ini saya yakin rakyat Malaysia amat menghargai jasa-jasa pahlawan kita yang pada suatu ketika dahulu telah berkorban dengan hati yang berani, luhur dan murni untuk mempertahankan negara kita daripada ancaman musuh dari dalam dan luar.

10. Kita patut berbangga dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh masyarakat antarabangsa terhadap pasukan keselamatan kita yang kini ditempatkan di beberapa negara luar untuk membantu menjaga keamanan dunia. Anggota-anggota keselamatan kita bukan sahaja diiktiraf sebagai penuh berdisiplin dan cekap, tetapi juga dihormati kerana ketegasan mereka menjalankan tugas. Pengiktirafan ini telah mengharumkan nama negara dan sekaligus imej rakyat Malaysia di dunia antarabangsa.

Para penonton dan pendengar yang dihormati,

11. Dalam kita berlumba-lumba untuk membangunkan negara dan diri sendiri, hendaknya janganlah kita lupakan mereka yang suatu ketika dahulu telah mencurahkan bakti dan melakukan pengorbanan terhadap negara ini. Mereka yang saya maksudkan ini ialah bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka yang kurang bernasib baik. Sunguhpun mereka mempunyai persatuan sendiri yang bertanggungjawab terhadap segala urusan kebajikan mereka, tetapi tanpa sokongan kuat daripada Kerajaan dan

orang ramai tidak mungkin persatuan ini dapat mempergiatkan lagi aktiviti kebajikan mereka dengan lebih berkesan.

12. Saya difahamkan bahawa pada masa ini, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mempunyai seramai 88,000 orang anggota. Adalah dijangka lebih ramai lagi anggota tentera yang bersara akan menyertai persatuan ini memandangkan di antara 3,000 hingga 5,000 orang perajurit akan menamatkan perkhidmatan mereka pada setiap tahun. Oleh itu tidak syak lagi keanggotaan Persatuan ini akan bertambah dengan banyak di tahun-tahun yang akan datang. Sumber pendapatan utama mereka bagi menampung pelbagai kegiatan kebajikan mereka adalah melalui kutipan derma rayuan Hari Pahlawan.

13. Saya merasa amat bersyukur kerana seruan saya pada tahun lalu telah mendapat sambutan yang menggalakkandari para dermawan sehingga membolehkan Persatuan ini mengutip sebanyak \$2.1 juta dari seluruh negara. Dengan adanya kutipan tersebut Persatuan telah dapat membelanjakan sebanyak sejuta seratus tujuh puluh sembilan ribu enam ratus dua puluh satu ringgit terhadap pelbagai skim bantuan kebajikan anjurannya. Usaha-usaha murni ini perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

14. Justeru itu, membalas jasa bakti dan pengorbanan bekas perajurit terhadap negara melalui bantuan, bimbingan dan perlindungan kepada mereka, balu-balu dan anak-anak mereka supaya semua dapat menempuh kehidupan yang lebih selesa dan produktif hendaklah dilaksanakan dengan lebih bersepadu oleh Kerajaan.

15. Marilah kita bersama-sama turut mengamalkan sifat membantu mereka yang kurang bernasib baik ini. Saya percaya dan yakin bahawa bekas-bekas perajurit kita jika diberi peluang dan dibantu untuk menerokai bidang yang bersesuaian dan selaras dengan minat dan pengetahuan mereka, mereka sudah tentu akan berjaya.

Para pendengar dan penonton yang dihormati,

16. Masyarakat kita sememangnya sudah terkenal dengan keperibadian yang tinggi dan mulia. Sikap timbang rasa, murah hati dan saling bantu membantu antara satu sama lain di kalangan rakyat kita sudah menjadi amalan yang diwarisi sejak zaman berzaman. Sebagai satu bangsa yang sentiasa mengamalkan pekerti mulia adalah menjadi tanggungjawab dan budaya kita untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik, lebih-lebih lagi mereka yang pernah menabur jasa untuk kesejahteraan hidup yang kita nikmati hari ini. Pada hari yang berbahagia ini dan bersempena dengan pelancaran rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini, sekali lagi saya menyeru kepada masyarakat Malaysia daripada segenap lapisan terutama kepada mereka yang berkemampuan untuk tampil ke hadapan memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan kutipan derma ini.

17. Sebelum saya mengundurkan diri, dengan segala kerendahan diri dan kalimat

Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1992.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.